

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah berkenan menzahirkan penghargaan kepada semua warga pekerja negara sempena sambutan Hari Pekerja, semalam.

Seri Paduka Baginda berdua bertitah warga pekerja adalah pemacu pertumbuhan Malaysia ke tahap yang lebih baik.

SAMBUTAN HARI PEKERJA

Agong, Raja Permaisuri Agong zahir penghargaan

"Terima kasih di atas usaha, komitmen dan pengorbanan anda. Tanpa penat lelah setiap lapisan para pekerja, kemajuan takkan tercapai."

"Selamat Hari Pekerja!" titah Seri Paduka Baginda berdua menerusi hantaran di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Hari Pekerja disambut

pada 1 Mei setiap tahun bagi meraikan sumbangan pekerja kepada negara dengan tema sambutan tahun ini ialah 'Pekerja Kesuma Bangsa'. - Bernama



ANWAR menyampaikan Anugerah Tokoh Pekerja Negara (OKU) kepada Prof Ts Dr Zaidi Embong pada sambutan Hari Pekerja 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Penjawat awam akan memperoleh kenaikan gaji melebihi 13 peratus bermula 1 Disember ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kenaikan itu adalah yang paling tinggi pernah dicatatkan dalam sejarah negara.

"Sejarah kenaikan paling tinggi sebelum ini adalah 13 peratus dan tahun ini saya akan umum kenaikan itu lebih tinggi daripada 13 peratus."

"Maka kita akan laksanakan kenaikan (penjawat awam) mulai 1 Disember tahun ini, sebab saya sudah berjanji," katanya ketika menyampaikan amanat pada Sambutan Hari Pekerja 2024 bertemakan Pekerja Kesuma Bangsa di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Turut hadir, kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong.

GAJI PENJAWAT AWAM NAIK LEBIH 13%

Tertinggi dalam sejarah

Anwar berkata, pelarasannya gaji penjawat awam itu akan mencecah peruntukan lebih RM10 bilion kerana membabitkan jumlah kenaikan yang besar dan terbaik dalam sejarah negara.

Beliau berkata, dengan pelarasannya juga, pendapatan minimum penjawat awam merangkumi gaji dan elauan tetap akan melebihi RM2,000 sebulan.

"Saya mengakui jumlah pendapatan menyeluruh paling minimum (untuk penjawat awam) yang diterima sebelum ini iaitu RM1,765 adalah tidak munasabah. Saya setuju jumlah yang diterima sebelum ini tidak munasabah."

"Oleh itu tahun ini penjawat awam melalui Sis-

tem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA), kita gunakan kriteria dan ukuran baharu iaitu pendapatan menyeluruh termasuk gaji dan elauan tetap mesti lebih daripada RM2,000," kata-

Anwar bagaimanapun berkata, mana-mana penjawat awam yang tidak mempermerlukan prestasi baik, pemalas dan sering lewat datang kerja tidak layak menerima kenaikan itu.

"Kalau rekod pekerjaannya tak membanggakan, malas, sering lambat dan tidak beri tumpuan yang baik, tidak layak diberi ganjaran seperti yang dijanjikan kerajaan."

"Ini tanggungjawab kita bersama, baik persatuan

atau rakan di jabatan untuk pastikan dua, tiga orang yang lembap ini biar dia kekal di jawatan (sedia ada) selama-lamanya," katanya.

Menurutnya, kerajaan Sabah dan Sarawak juga bersetuju membuat pindahan ke atas Ordinan Buruh Sabah (Ordinan Cap 67) dan Sarawak (Ordinan Bab 76) untuk diselaraskan dengan Akta Kerja 1955 yang terpakai di Semenanjung Malaysia.

Katanya, Rang Undang-Undang (RUU) Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2024 dan RUU Ordinan Buruh Sarawak akan dibentangkan pada sidang Parlimen yang akan datang.

"Jadi akan nampak dari segi kepentingan pekerja, di Semenanjung, Sabah dan Sarawak (berada) dalam satu garisan yang sama," katanya.

"Maka kita akan laksanakan kenaikan (penjawat awam) mulai 1 Disember tahun ini, sebab saya sudah berjanji"